



فجاية فغارہ تانہ دان کالین ترڠگانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115



2

PTG.TR. G/05/1988/06/03 – (2)

05 Jamadil Awal 1422
26 Julai 2001

Pentadbir Tanah,
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah,
DUNGUN.

Pentadbir Tanah,
BESUT.

Pentadbir Tanah,
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah,
MARANG.

Pentadbir Tanah,
SETIU.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 2/2001 – Pindaan Kepada
Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/2000 Berkait Penurunan Kuasa Bagi
Pembetulan Kesilapan Di Bawah Seksyen 380 KTN**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memberi penurunan kuasa kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam membuat semua pembetulan kesilapan atau ketinggalan di bawah seksyen 380 Kanun Tanah Negara.

2. **LATARBELAKANG:**

2.1 Mesyuarat Penambahbaikan Sistem Kualiti MS ISO 9002:1994 yang diadakan pada 10 Julai 2001 membuat keputusan bersetuju supaya diberikan penurunan kuasa kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi membuat semua pembetulan kesilapan atau ketinggalan di bawah seksyen 380 Kanun Tanah Negara tanpa terlebih dahulu memohon kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri di bawah seksyen 380(2) Kanun Tanah Negara.

3. **RASIONAL:**

Rasional mengapa perlunya Pentadbir-Pentadbir Tanah diberikan penurunan kuasa untuk membuat pembetulan kesilapan atau ketinggalan di bawah seksyen 380 Kanun Tanah Negara adalah:

Dihantar pada 02 AUG 2001

Tandatangan
Kerani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah
& Galian Terengganu

- 3.1 Banyak ditemui kesilapan atau ketinggalan di atas dokumen hakmilik manual atau berkomputer atau instrumen yang berkaitan dengan tanah selepas didaftarkan;
- 3.2 Mempercepatkan tindakan pembetulan oleh Pentadbir Tanah ke atas kesilapan atau ketinggalan yang ditemui di bawah seksyen 380(2) Kanun Tanah Negara tanpa memohon kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri sesuai dengan hasrat Objektif Kualiti yang digariskan dalam Sistem Kualiti MS ISO 9002:1994 iaitu 'Pendaftaran Urusniaga dan Bukan Urusniaga Tanah akan disiapkan dalam tempoh lima hari kerja' dan 'Siasatan (enquiry) akan dibuat dalam tempoh tiga minggu daripada penerimaan permohonan';
- 3.3 Penurunan kuasa ini diberi untuk pembetulan semua kesilapan atau ketinggalan yang ditemui samada disedari atau dilaporkan oleh pihak lain.
- 3.4 Penurunan kuasa ini juga adalah diberi kepada Ketua Penolong Pentadbir Tanah.


4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:

Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa mulai 10 Julai 2001. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, maka Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/2000 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM “

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
TERENGGANU.

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.
Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU.
Pegawai Sistem Maklumat,
Pengurus Teknikal Sistem Tanah (SPTB),

FAIL TIMBUL.

Mbm/arahanpembetulan380ktn
26072001